



## **SURAT PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR)**

**Bilangan 01 Tahun 2020**

### **PINDAAN PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEP) BILANGAN 17 TAHUN 2020 BERKAITAN PENGECUALIAN BAYARAN KOLEJ KEDIAMAN SELAMA SEBULAN PADA BULAN OKTOBER 2020 BAGI PELAJAR YANG MEMILIH UNTUK MENGINAP DI KOLEJ KEDIAMAN SESI OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai pindaan kepada pekeliling Timbalan Naib Canselor (HEP) Bilangan 17 Tahun 2020 berkaitan pengecualian bayaran kolej kediaman selama sebulan pada bulan Oktober 2020 bagi pelajar yang memilih untuk menginap di kolej kediaman sesi Oktober 2020 – Februari 2021.

#### **PINDAAN**

2. Pindaan dibuat kepada Pekeliling Timbalan Naib Canselor (HEP) Bilangan 17 Tahun 2020 pada perenggan 6 seperti berikut:

Hasil keputusan mesyuarat tersebut, pihak Universiti bersetuju untuk memberikan pengecualian bayaran kolej kediaman selama sebulan pada bulan Oktober 2020 kepada semua pelajar yang telah mendaftar dan menginap di kolej kediaman pada bulan Oktober 2020. Pengecualian bayaran tersebut adalah pada nilai seperti berikut:

<b>Jenis Bilik</b>	<b>Kadar Asal Bilik [14 minggu] (RM)</b>	<b>Pengecualian Bayaran [4 minggu] (RM)</b>	<b>Jumlah Yang Perlu Dibayar (RM)</b>
Bilik Berdua	420.00	120.00	300.00
Bilik Bertiga	315.00	90.00	225.00
Bilik Berempat	210.00	60.00	150.00
Bilik Khas Fakulti Perubatan 1	594.00	169.71	424.29
Bilik Khas Fakulti Perubatan 2	682.50	195.00	487.50
Bilik Khas Fakulti Perubatan 3	780.00	222.86	557.14
Bilik Khas Fakulti Perubatan 4	1,044.00	298.29	745.71

### **TARIKH DIKELUARKAN**

3. Surat Pekeliling ini dikeluarkan pada 26 Oktober 2020.

### **TARIKH KUAT KUASA**

4. Tarikh kuat kuasa pindaan ini berkuatkuasa dari tarikh Pekeliling Timbalan Naib Canselor (HEP) Bilangan 17 Tahun 2020 dikeluarkan.

### **PEMAKAIAN**

5. Terma lain pada Pekeliling Timbalan Naib Canselor (HEP) Bilangan 17 Tahun 2020 adalah masih terpakai.

6. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Timbalan Naib Canselor (HEP) Bilangan 17 Tahun 2020 bertarikh 22 Oktober 2020.



**PROF. DR. AZIZAN ABDULLAH**  
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Dikelilingkan Kepada:

Rektor Kampus Cawangan  
Pegarah Pembangunan Pelajar  
Timbalan Pendaftar Kanan (HEP)  
Timbalan Bendahari Kanan, Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar  
Ketua Unit Kemudahan Kolej  
Pengetua Kolej Kediaman  
Pengurus Asrama Kolej Kediaman  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)  
YDP Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK)  
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-HEP(UKK 6/5)  
No Siri : 100-HEP(PT.6/5) SP Bil. 01